



KOPERASI GURU - GURU MELAYU KEDAH BERHAD

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB), Kementerian Kewangan Malaysia dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Kementerian Kerja Raya Malaysia dalam Gred dan Kategori yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

TAJUK PROJEK/ NO.TENDER	GRED DAN KATEGORI	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TUTUP TENDER
CADANGAN PINDAAN KECIL DALAMAN (ARAS BAWAH) BAGI 1 UNIT KEDAI 3 TINGKAT DI KOMPLEKS PERNIAGAAN SULTAN ABDUL HAMID DI ATAS LOT PT2395, JALAN SUSURAN ABDUL HAMID A, BANDAR ALOR SETAR, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN UNTUK KOPERASI GURU - GURU MELAYU KEDAH BERHAD. NO.TENDER : KGMKB 600-6/04/2025	CIDB Bumiputera Gred : G2 (Terbuka untuk Kontraktor G2 yang beralamat di Negeri Kedah Sahaja) Kategori: B & ME Pengkhususan: B04, E04, E11 Berdaftar Dengan LPIM (CIDB), MOF, BPKU	KOPERASI GURU - GURU MELAYU KEDAH BERHAD Aras 2, Menara Guru, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah Darul Aman Dokumen dijual dari 16 Nov 2025 (Ahad) Hingga 18 Nov 2025 (Selasa) Masa Jualan Ahad-Rabu (9.00 pg - 12 tghari) (2.30 ptg - 4.00 ptg) Khamis (9.00 pg - 12 tghari) *Dijual kepada petender yang menghadiri lawatan tapak sahaja	RM 500.00 Bayaran secara tunai Ringgit Malaysia sahaja kepada Koperasi Guru - Guru Melayu Kedah Berhad	KOPERASI GURU - GURU MELAYU KEDAH BERHAD Aras 2, Menara Guru, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah Darul Aman Pada : 30 Nov 2025 (Ahad) Waktu : 12.00 tghari *Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri Taklimat Dan Lawatan Tapak pada **16 Nov 2025 (Ahad)** pada pukul **10.00 pagi** di **Dewan Dato Cikgu Hj Shaari, Aras 1, Menara Guru, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah Darul Aman**. Hanya PEMILIK/PENGARAH SYARIKAT yang DIBENARKAN menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak dengan membawa bersama **sijil pendaftaran ASAL untuk semakan** iaitu Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam SPKK, PPK dan STB

Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Aras 2, Menara Guru, Persiaran Sultan Abdul Hamid, 05050 Alor Setar, Kedah Darul Aman** sepanjang tempoh tender dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat seperti alamat di atas pada waktu pejabat (9.00 pagi - 4.00 petang)

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, untuk pembelian dokumen tender, wakil kontraktor hendaklah membawa sijil pendaftaran (ASAL dan satu (1) SALINAN) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) Kementerian Kerja Raya Malaysia. Salinan - salinan Perakuan dah/atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **tunai** Ringgit Malaysia sahaja Koperasi Guru - Guru Kedah Berhad. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan).

Petender adalah dikehendaki untuk menyediakan satu (1) bon/deposit tender dengan nilai **Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja (RM 5,000.00)** dalam bentuk draf bank selama tempoh enam (6) bulan bermula selepas tarikh tutup tender. Bon/deposit ini akan dikembalikan setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada petender yang berjaya.